

Dr. Mahathir harus bertanggungjawab

UM-13/8/2006

MUAR 12 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu bertanggungjawab terhadap segala dakwaan yang dibuatnya terhadap kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sehingga menjejaskan imej negara dan kepimpinan Perdana Menteri di mata rakyat dan negara luar.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin percaya kritikan yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir itu datang daripada luahan hatinya sendiri dan bukan dipengaruhi oleh mana-mana pihak kerana bekas Perdana Menteri itu tahu apa yang diperkatakannya.

"Bagi saya, Tun perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala dakwaan beliau ke atas kerajaan. Kalau media tanya beliau hari ini, sudah tentu Tun tidak akan bersetuju bahawa semua kritikan ini adalah disebabkan oleh Khairy (Jamaluddin), (Datuk) Ibrahim Ali atau sesiapa yang lain," katanya.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Pagoh di Dewan Seri Pekembar, Pagoh, dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Khairy yang juga Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO semalam, yang secara terbuka mendakwa Datuk Ibrahim Ali dan Peguam Mathias Chang sebagai pihak yang 'mencucuk' Dr. Mahathir untuk menyerang kepimpinan Perdana Menteri.

Bagi Muhyiddin, beliau yakin bekas Perdana Menteri itu tidak mudah terpengaruh dengan mana-mana pihak walaupun ada pihak tertentu cuba mengambil kesempatan untuk 'tumpang semangkuk' menghentam kerajaan melalui kepimpinan Dr. Mahathir yang merupakan tokoh besar politik negara.

Sebaliknya, kata beliau, Dr. Mahathir mempunyai pengalaman luas memimpin negara selama 22 tahun dan segala dasar serta kepimpinannya sewaktu menjadi Perdana Menteri dahulu diterima dan dihormati semua pihak dari dalam dan luar negara.

"Pandangan beliau dalam banyak hal termasuk peringkat antarabangsa sentiasa diterima semua pihak, jadi saya tidak fikir hanya disebabkan satu dua individu ini, Tun boleh membuat kenyataan mengkritik kerajaan.

"Walaupun beliau (Dr. Mahathir) menafikan segala kritikan yang dibuatnya itu, tetapi setelah beliau menyatakannya satu persatu isu negara sehingga membabitkan serangan peribadi, saya yakin ianya adalah datang daripada hatinya sendiri dan untuk itu, Tun perlu bertanggungjawab sepenuhnya," katanya.